



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 28 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM LAKUKAN PEMERIKSAAN LANJUT BERHUBUNG KEMASUKAN ANGGUR SHINE MUSCAT DI MALAYSIA, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPKM SIASAT DAKWAAN ANGGUR SHINE MUSCAT ADA BAHAN KIMIA, NASIONAL, BH -14	
3.	KERAJAAN ANALISIS 'SHINE MUSCAT' DAKWAAN ANGGUR ADA SISA KIMIA BERBAHAYA, MUKA DEPAN, HM -1	
4.	KPKM BAKAL SIASAT ANGGUR 'SHINE MUSCAT' DIDAKWA ADA KIMIA BERBAHAYA, LOKAL, HM -16	
5.	MALAYSIA SIASAT ANGGUR IMPORT BERACUN, MUKA DEPAN, SH -1	
6.	KPKM SIASAT ANGGUR SHINE MUSCAT, NASIONAL, SH -2	
7.	TARIK SEGERA PRODUK ADA KANDUNGAN BERBAHAYA -FOMCA, NASIONAL, SH -2	
8.	TINGKAT RISIKO KANSER, NASIONAL, SH -3	
9.	SUKAR KENAL PASTI BUAH ADA SISA KIMIA, NASIONAL, SH -3	
10.	MINISTRY TO INSPECT IMPORTED SHINE MUSCAT GRAPES, NATION, NST -5	
11.	MINISTRY TO INVESTIGATE REPORTS OF CHEMICAL RESIDUES IN IMPORTED 'SHINE MUSCAT' GRAPES, MALAY MAIL -ONLINE	
12.	HAIRAN BERAS PUTIH TEMPATAN 'GHAIB', NEGARA, KOSMO -15	
13.	PILIH BELI BERAS SIAM, BERAS TEMPATAN CUKUP DI PASARAN, NEGARA, KOSMO -15	
14.	ANTI-RABIES VAX PROGRAMME SEES 100 DOGS GET FIRST DOSE, NOOSTER SHOTS, THE BORNEO POST -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
15.	BAWANG MERAH TEMPATAN DARI KUNDASANG, NABALU NEWS -ONLINE	INSTITUT PENEYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
16.	MASALAH PENGAIRAN SAWAH DI KELANTAN SELESAI TAHUN DEPAN, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
17.	PEMBINAAN PAM AIR TAMBAHAN DI KELANTAN SIAP OGOS TAHUN DEPAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
18.	PAM AIR TAMBAHAN DI KELANTAN BEROPERASI SEPENUHNYA TAHUN DEPAN, MEDIA MADANI -ONLINE	
19.	SISWAZAH TERNAK ITIK TELUR JANA RM21,000 SEBUKAN, DALAM NEGERI, UM -34	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



AM > BERITA

KPKM Lakukan Pemeriksaan Lanjut Berhubung Kemasukan Anggur Shine Muscat Di Malaysia

🕒 27/10/2024 04:33 PM



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu

PASIR PUTEH, 27 Okt (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melakukan pemeriksaan lanjut berhubung dakwaan anggur jenis Shine Muscat yang diimport ke negara ini yang mempunyai bahan kimia berlebihan sehingga mengakibatkan keracunan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata kajian dan pemeriksaan itu akan dilakukan oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, dan Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian.

Beliau berkata KPKM akan melihat daripada semua segi termasuk pemeriksaan serta kajian yang dilakukan oleh agensi berkaitan, dan pemantauan akan sentiasa dilakukan.






"Setakat ini KPKM belum menerima sebarang aduan berhubung dakwaan sama ada buah anggur itu mempunyai bahan kimia yang berlebihan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan watak kepada 48 Ketua Tani Kumpulan Pengguna Air Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kemasin Semerak 2024 di Tok Bali di sini hari ini.

Terdahulu, *The Thai Pesticide Alert Network* (Thai-PAN) memberi amaran mengenai pencemaran anggur Shine Muscat, selepas mendapati kebanyakan sampel yang mereka kumpul dipercayai mengandungi sisa bahan kimia berbahaya melebihi tahap maksimum yang dibenarkan.

Thai-PAN dan Majlis Pengguna Thailand menggesa Kementerian Kesihatan Awam negara berkenaan untuk mengambil tindakan segera, termasuk mengarahkan pengimport dan pengedar melabel negara asal anggur Shine Muscat yang diimport.



-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

KPKM siasat dakwaan anggur Shine Muscat ada bahan kimia

Pasir Puteh: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menjalankan siasatan dan pemeriksaan terhadap anggur import jenis Shine Muscat yang dikatakan mengandungi sisa kimia berbahaya sebagaimana dakwaan timbul di Thailand.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya akan merujuk perkara ini kepada agensi berkaitan, termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk membuat pengesahan.

Katanya, sekiranya benar anggur berkenaan ada kandungan seperti didakwa, pihaknya akan membuat pengumuman dan tindakan susulan akan diambil.

"Bagaimanapun setakat ini ki-

ta tidak menerima sebarang aduan berhubung perkara ini. Pengesahan isu ini akan dibuat.

"Kita amat teliti berhubung perkara ini kerana ia melibatkan soal kesihatan dan pemantauan berterusan akan dilakukan. Jika dikesan mengandungi bahan kimia berbahaya, kita akan ambil tindakan susulan," katanya pada Majlis Penyampaian Watikah Kumpulan Pengurusan Air (KPA) IADA Kemasin Seremak, di sini, semalam.

Sebelum ini, Rangkaian Ama-

ran Racun Perosak Thailand (Thai-PAN) memberi amaran berhubung pencemaran anggur Shine Muscat, selepas mendapati kebanyakannya sampel dikumpulnya mengandungi sisa kimia berbahaya melebihi paras maksimu-

Beliau berkata, projek itu sudah bermula dan diharapkan berjalan lancar mengikut jadual.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini sudah memperuntukkan RM20 juta bagi pembelian pam air, namun pam air tidak dapat digunakan berikutan paras air terlalu rendah.

"Justeru, kita terpaksa membuat pembangunan lain bagi memastikan pam air berkenaan sampai sekali gus dapat mengalirkan air ke kawasan sawah. Projek berkenaan sudah dimulakan dan dijangka siap pada

Ogos tahun depan. Insya-Allah selepas itu masalah pengaliran di kawasan sawah akan selesai selepas itu," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Anwar mengarahkan supaya pembelian 20 unit pam air membabitkan nilai RM20 juta untuk kegunaan di Kelantan bergerak.


Perdana Menteri berkata, ia berikutan Kelantan kini berdepan masalah musim kemarau berpanjangan sehingga memerlukan tindakan segera.

Katanya, paip di sungai Kelantan yang disediakan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) tidak mencukupi memandangkan paras air yang semakin menurun akibat kemarau berpanjangan.



Mohamad Sabu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1



KPKM bakal siasat anggur 'Shine Muscat' didakwa ada kimia berbahaya

Pasir Puteh: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menjalankan siasatan dan pemeriksaan terhadap anggur import jenis 'Shine Muscat' (*gambar*) yang dikatakan mengandungi sisa kimia berbahaya sebagaimana didakwa di Thailand.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan merujuk perkara itu kepada agensi berkaitan termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk

memuat pe-
ngesahan.

Katanya, sekiranya benar anggur berke-
naan mem-
punyai kan-
dungan se-

bagaimana yang didakwa, bung perkara ini. Penge-
pihaknya akan membuat sahan isu ini akan dibuat.
pengumuman dan tinda- "Kita amat teliti berhu-
kan susulan ba- bung perkara ini kerana ia

"Bagai-
manapun
setakat
ini kita ti-
dak mene-
rima seba-
rang adu-
an berhu-

membatikan soal kesiha-
tan dan pemantauan ber-
terusan akan dilakukan.

"Jika dikesan mengandu-
ngi bahan kimia berbahaya,
kita akan ambil tindakan
susulan," katanya ketika
ditemui pada Majlis Pe-
nyampaian Watakah
Kumpulan Pengguna Air
(KPA) IADA Kemasin Se-
merak, di sini, sema-
lam.

Sebelum ini,
Rangkaian Amaran
Racun Perosak Thai-
land (Thai-PAN)
memberi amaran
berhubung pence-
maran anggur 'Shi-
ne Muscat' selepas
mendapati kebanya-
kan sampel yang di-
kumpul mengandu-
ngi sisa kimia ber-
bahaya melebihi pa-
ras maksimum di-
benarkan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

MALAYSIA SIASAT ANGGUR IMPORT BERACUN



■ Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan melakukan siasatan terhadap anggur import Shine Muscat yang dikatakan mengandungi bahan kimia berbahaya melebihi tahap maksimum dibenarkan sebagaimana dakwaan Thailand.

■ Menteriya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian itu akan merujuk perkara tersebut kepada agensi berkaitan termasuk MARDI untuk pengesahan dan tindakan segera akan diambil jika ia terbukti benar.

■ Sebelum ini, Rangkaian Amaran Racun Perosak Thailand (Thai-PAN) memberi amaran berhubung pencemaran anggur Shine Muscat, selepas mendapati 23 daripada 24 sampel yang diambil mengandungi sisa racun perosak melebihi had termasuk Chlorpyrifos yang diharamkan.

MUKA 2 & 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

KPKM siasat anggur Shine Muscat

Akan ambil tindakan segera jika terbukti buah import itu ada bahan kimia berbahaya lebih had

Oleh ASWANY OMAR dan DIANA AZIS PASIR PUTEH

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melakukan siasatan terhadap anggur import Shine Muscat yang dikatakan mengandungi bahan kimia berbahaya melebihi tahap maksimum dibenarkan sebagaimana dakwaan Thailand.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian akan merujuk perkara berkenaan kepada agensi berkaitan untuk pengesahan dan tindakan segera akan diambil seandainya terbukti anggur tersebut boleh mengakibatkan keracunan.

"Kita akan melakukan kajian dan penyelidikan di makmal membabitkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Bahagian Bio Sekuriti, Jabatan

Pertanian serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk membuat pengesahan jika ada kes keracunan membabitkan anggur itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan watak Kumpulan Pengguna Air (KPA) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semarak 2024 di Tok Bali di sini pada Ahad.

Menurut beliau, kementerian sangat teliti berkaitan hasil pertanian yang diimport, namun pihaknya sehingga kini tidak menerima sebarang aduan mengenai perkara berkenaan.

"Bagaimanapun, pemantauan akan dilakukan dari masa ke masa bagi memastikan tiada kes keracunan dan hanya hasil pertanian yang selamat dibawa masuk ke dalam negara," katanya.

Sebelum ini, Rangkaian Amaran Racun Perosak Thailand (Thai-PAN) memberi amaran berhubung pencemaran anggur Shine Muscat selepas mendapati kebanyakan sampel yang dikumpulkan mengandungi sisa kimia berbahaya melebihi paras maksimum dibenarkan.

Thai-PAN, Majlis Pengguna Thailand (TCC) dan Pentadbiran Makanan dan Dadah Thailand (TFDA) mendedahkan perkara itu susulan hasil ujian makmal pada

Khamis lalu.

TCC membeli 24 sampel anggur popular itu daripada pelbagai lokasi termasuk dua sampel daripada kedai dalam talian, kedai buah dan pasar segar (tujuh sampel) serta pasar raya (15 sampel) pada 2 dan 3 Oktober lalu dengan harga antara 100 hingga 699 baht (RM13-RM90) sekilogram (kg).

Menurut Penyelaras Thai-PAN, Prokchon Usap, sembilan sampel dikenal pasti diimport dari China, manakala negara asal bagi 15 sampel yang lain tidak dapat dikenal pasti.

"Amat mengejutkan apabila 23 daripada 24 sampel didapati mengandungi sisa racun perosak melebihi had undang-undang.

"Satu sampel didapati mengandungi 'Chlorpyrifos', sejenis racun serangga yang diharamkan di Thailand," katanya memetik laporan sebuah portal berita berpangkalan di Thailand.

Dalam pada itu kira-kira 95 peratus buah anggur, pic, pear dan strawberi serta sayur-sayuran berdaun seperti bayam dan kangkung, kolar dan sawi yang diuji oleh pentadbiran Amerika Syarikat dikesan mengandungi racun perosak melebihi tahap dibenarkan, menurut Panduan Pembeli untuk Racun Perosak dalam Hasil Tanaman 2024.

Nektarin, epal, bell dan lada, ceri, beri biru dan kacang hijau melengkapkan senarai 12 sampel hasil yang paling tercemar.



KPKM akan melakukan kajian dan penyelidikan terhadap anggur import Shine Muscat yang dikatakan mengandungi bahan kimia berbahaya melebihi tahap maksimum dibenarkan. Gambar kecil: Mohamad

la digelar 'Dirty Dozen' oleh Kumpulan Kerja Alam Sekitar (EWG), sebuah organisasi advokasi alam sekitar dan kesihatan yang telah menghasilkan laporan tahunan itu sejak 2004.

Racun serangga perosak telah dikaitkan dalam kajian dengan kelahiran pramatang, kecacatan kongenital seperti kecacatan tiub saraf, keguguran spontan dan peningkatan kerosakan genetik pada manusia. Pendedahan kepada racun perosak juga telah dikaitkan dengan kepekatan sperma yang lebih rendah, penyakit jantung, kanser dan gangguan lain, lapor CNN.

BAHAYA PENDEDAHAN RACUN REROSAK

- Kelahiran pramatang
- Kecacatan kongenital seperti kecacatan tiub saraf
- Keguguran spontan
- Peningkatan kerosakan genetik pada manusia
- Kepekatan sperma yang lebih rendah
- Penyakit jantung
- Kanser

Tarik segera produk ada kandungan berbahaya - FOMCA

SHAH ALAM - Kerajaan digesa menarik balik dengan segera pasaran makanan atau produk yang terbukti mempunyai kandungan berbahaya.

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah berkata, pihak berwajib juga wajar mengeluarkan makluman awal kepada

pengguna bagi mengelakkan pembelian produk itu sehingga keselamatannya disahkan.

Menurutnya, langkah segera dan tegas patut dilaksanakan untuk melindungi pengguna daripada risiko kesihatan yang mungkin timbul akibat anggur import jenis Shine Muscat yang didakwa mengandungi sisa kimia berbahaya.

"Pemeriksaan serta-merta di pintu masuk negara harus dilaksanakan bagi

memastikan tiada stok berbahaya memasuki pasaran tempatan sementara menunggu keputusan analisis daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Pada masa sama, kerjasama dengan pihak berkuasa negara pengekspor tersebut diperlukan bagi memastikan isu ini diselesaikan dan tidak lagi berulang," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Dalam pada itu ujarinya, penilaian se-

mula protokol import dan pengukuhan kawalan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) juga penting bagi memastikan hanya produk mematuhi piawaian keselamatan dibenarkan masuk negara ini.

Jelas beliau, langkah menyeluruh tersebut akan membantu mengurangkan risiko kepada kesihatan pengguna dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan makanan di Malaysia.

Tingkat risiko kanser

Jika ambil secara berlebihan buah-buahan yang terdedah pestisid

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Pengambilan berlebihan buah-buahan yang terdedah kepada racun makhluk perosak (RMP) atau dikenali sebagai pestisid boleh meningkatkan risiko pelbagai jenis kanser seperti payudara, prostat, leukemia dan lain-lain.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Dr Safiya Amaran berkata, kajian menunjukkan residu pestisid kerap ditemui dalam sampel buah-buahan yang diuji dan adakalanya ia melebihi nilai maksimum residu RMP yang dibenarkan.

Kerana itu menurutnya, penggunaan pestisid boleh menimbulkan risiko kesihatan jangka panjang jika dimakan dalam kuantiti berlebihan.

"Risiko kesihatan lain termasuk gangguan kepada sistem

hormon. Ia boleh menyebabkan gangguan perkembangan pada kanak-kanak, kecacatan kelahiran serta masalah sistem pembiakan.

"Terdapat juga potensi kesan neurologi seperti sakit kepala, kekeliruan dan kelemahan otot, disebabkan oleh bahan kimia tertentu yang mengganggu fungsi saraf.

"Di samping itu, campuran pelbagai jenis pestisid pada satu buah boleh membebaskan fungsi hati dan buah pinggang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian mengulas berhubung amaran dikeluarkan Rangkaian Amaran Racun Perosak Thailand (Thai-PAN) mengenai pencemaran anggur Shine Muscat selepas kebanyakan sampel yang dikumpulkan didapati mengandungi sisa kimia berbahaya melebihi paras maksimum dibenarkan.

Mengulas lanjut, Dr Safiya menjelaskan, Shine Muscat atau anggur premium tanpa biji berasal dari Jepun itu kaya dengan antioksidan seperti vitamin C dan polifenol yang membantu melawan radikal bebas, mengurangkan

DR SAFIYA



Buah-buahan perlu dicuci dengan sempurna di bawah air yang mengalir, berbanding mencuci dengan cara merendam dalam air bertakung.

kan risiko penyakit jantung dan memperbaiki kesihatan kulit selain kaya dengan serat yang baik untuk sistem pencernaan.

"Bagaimanapun, anggur ini mungkin terdedah kepada pestisid seperti *chlorpyrifos*, *captan* dan *dimethoate* untuk kawalan hama.

"Selain anggur, kebanyakan buah-buahan dirawat dengan

pestisid bagi meningkatkan hasil dan memanjangkan jangka hayat," katanya.

Sehubungan itu katanya, sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai dinasihatkan agar memastikan buah-buahan dicuci dengan sempurna di bawah air yang mengalir, berbanding mencuci dengan cara merendam di dalam air bertakung.

"Selain itu mengupas kulit juga dapat merendahkan risiko termaian kotoran, bakteria dan residu pestisid walaupun tidak 100 peratus.

"Satu lagi cara ialah dengan memilih buah-buahan organik yang boleh membantu mengurangkan pendedahan kepada residu pestisid ini namun biasanya harganya adalah jauh lebih mahal," katanya.

ANGGUR SHINE MUSCAT

- Asal:** Diperkenalkan di Jepun pada penghujung 1980-an dan dikomersialkan pada awal 2000. Umumnya ditanam dan dijual di wilayah Yamaguchi, Nagano, Okayama dan Yamagata. Kini turut dipasarkan oleh China dan Korea.
- Kategori:** Premium hibrid.
- Harga:** Bermula dari RM10.90 (China), RM43.90 (Korea) hingga RM130 (Jepun), masing-masing bagi setiap 500 gram (anggaran harga di pasar raya terpilih).
- Warna:** Hijau cerah atau hijau kekuningan.

- Tekstur:** Kulit nipis, isi tebal, rangup, wangi dan tidak mempunyai biji.
- Saiz:** Bulat sekata dan lebih besar berbanding anggur hijau biasa.
- Tahap kemanisan:** Boleh mencocah 17 hingga 20 Brix ("Bx" iaitu unit untuk mengukur tahap kemanisan buah atau sayur-sayuran).
- Musim tuai antara penghujung musim panas hingga musim luruh iaitu sekitar Ogos, September, Oktober dan November (berbeza mengikut daerah di Jepun).**
- Tahan lama antara lima hingga 10 hari di dalam peti sejuk atau dua hingga empat hari mengikut suhu bilik.**

Sumber: Laman sesawang Japanese Taste, K-Food Trade dan WAMazingDiscover.

Sukar kenal pasti buah ada sisa kimia

SHAH ALAM - Sisa kimia berbahaya melebihi paras maksimum dibenarkan adalah kuantiti bahan sebatian yang amat tinggi dan boleh menyebabkan gangguan kepada kesihatan pengguna.

Ketua Pusat Pengajian Sains Pertanian dan Bioteknologi (FBIM) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Mohd Fahmi Abu Bakar berkata, antara kesan langsung kepada kesihatan ialah boleh merosakkan sistem pencernaan dan organ seperti buah pinggang, otak dan jantung, vertigo serta sesak nafas.

"Setiap buah atau makanan mempunyai tahap sisa kimia yang dibenarkan bagi melindungi kesihatan pengguna. Perkara ini memang susah untuk dielakkan kerana kebanyakan produk berkenaan memang mempunyai bahan kimia berbahaya sebagai pestisid atau bahan pengawet.



MOHD FAHMI

"Sebagai contoh, jika kuantiti bahan kimia yang dibenarkan hanyalah 5 miligram (mg). Jadi, paras yang melebihi 5mg boleh memberi kesan kepada kesihatan pengguna jika buah atau makanan tersebut dimakan secara berkala.

"Kesan yang diterima terbahagi kepada dua iaitu dalam tempoh jangka pendek atau jangka panjang. Bergantung kepada pengambilan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada Ahad dilaporkan akan menjalankan siasatan dan pemeriksaan terhadap anggur import jenis Shine Muscat yang dikatakan mengandungi sisa kimia berbahaya sebagaimana dakwaan oleh Thailand.

Sementara itu, ditanya mengenai bagaimana hendak me-

ngenal pasti buah atau makanan mengandungi sisa kimia berbahaya melebihi paras maksimum dibenarkan, Mohd Fahmi menjelaskan ia agak sukar untuk dilihat secara mata kasar.

"Kebiasaannya, untuk mengenal pasti makanan yang mengandungi bahan kimia berbahaya boleh dilihat daripada bahan-bahan untuk menghasilkan makanan tersebut.

"Sebagai contoh, pengguna boleh mengenal pasti bahan seperti pewarna, bahan pengawet atau bahan kimia tambahan yang ditambah ke dalam makanan tersebut.

"Jika untuk buah-buahan, kebiasaannya, buah yang cantik dan tiada ulat telah disemur dengan pestisid untuk mengelakkan ia rosak," katanya.

Bagaimanapun -ujarnya, buah atau sayur tersebut masih boleh dimakan dengan membuat rawatan seperti rendam dalam air garam atau cuka untuk meneutralkan bahan kimia tersebut.

HARMFUL CHEMICAL RESIDUES

Ministry to inspect imported Shine Muscat grapes

PASIR PUTEH: The Agriculture and Food Security Ministry will inspect imported Shine Muscat grapes alleged to contain harmful chemical residues, as claimed by Thailand.

Its minister, Datuk Seri Mohamad Sabu, said the matter would be referred to relevant agencies, including the Malaysian Agricultural Research and Development Institute, for verification. He added that if the claims were confirmed, the ministry would make an announcement

and take appropriate action.

“However, so far, we have not received any complaints regarding this matter. Verification will be conducted,” he said.

“We will be thorough on this matter as it concerns health, and will conduct continuous monitoring. If any harmful chemicals are detected, we will take follow-up action.”

Mohamad said this at the IADA Kemasin Semarak Water Users Group Certificate Presentation Ceremony here yesterday.

Previously, the Thailand Pesticide Alert Network issued a warning about contamination in Shine Muscat grapes, stating that many samples contained harmful chemical residues exceeding permitted levels.

The network and the Thailand Consumer Council urged the Thai Public Health Ministry to take immediate action, including requiring importers and distributors to label the country of origin for imported Shine Muscat grapes.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	MALAY MAIL	ONLINE	

Ministry to investigate reports of chemical residues in imported 'Shine Muscat' grapes



Thai-PAN and the Thai Consumer Council have urged the Ministry of Public Health Thailand to take immediate action, including requiring importers and distributors to label the country of origin for imported 'Shine Muscat' grapes. — Picture via Facebook

PASIR PUTEH, Oct 27 — The Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) will conduct further inspections regarding reports of an influx of imported 'Shine Muscat' grapes into the country.

Its Minister, Datuk Seri Mohamad Sabu said research and inspections will be carried out by relevant agencies, such as the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department and the Biosecurity Division of the Department of Agriculture.

He stressed that KPKM will review all aspects through inspections and research conducted by the relevant agencies, as well as conducting constant monitoring.

"So far, KPKM has not received any complaints on the grapes containing excessive chemical residues," he told reporters after presenting letters of appointment to 48 chief farmers of the Water User Group for the Kemasin Semerak Integrated

Agricultural Development Area (IADA) 2024 in Tok Bali, here today.

Mohamad Sabu reassured that KPKM would take immediate follow-up action if any complaints or incidents occur.

Earlier, the Thai Pesticide Alert Network (Thai-PAN) issued a warning regarding 'Shine Muscat' grape contamination after finding that most of the samples collected were believed to contain harmful chemical residues exceeding the maximum permitted levels.

Thai-PAN and the Thai Consumer Council have urged the Ministry of Public Health Thailand to take immediate action, including requiring importers and distributors to label the country of origin for imported 'Shine Muscat' grapes. — Bernama

Pengguna mengeluh terpaksa beli beras import yang lebih mahal di pasaran

Hairan beras putih tempatan 'ghaib'

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM,
NORFARHIZA MOHD ATAR
dan AZAHAR HASHIM

PETALING JAYA – Isu 'kehilangan' beras putih tempatan 5 kilogram (kg) dan 10kg di beberapa negeri masih belum dapat diselesaikan sehingga kini.

Peniaga mendakwa, ada dalam kalangan mereka tidak menerima bekalan sejak dua tahun lepas.

Rata-rata yang ditemui berkata, sejak itu mereka hanya dibekalkan dengan beras import, walaupun beberapa kali bertanya kepada pengedar mengenai berikutan keluhan pengguna yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih.

Di **Kulim Kedah**, pemilik sebuah pasar mini, Siti Khatijah Maidin, 40 berkata, kali terakhir dia memperoleh bekalan beras putih tempatan adalah pada penghujung 2022 ketika pandemik Covid-19.

"Apa yang pelik ialah pada program Jualan Rahmah yang dianjurkan pihak tertentu di daerah ini, ada pula beras tempatan yang dijual."

"Saya tidak tahu dari mana mereka mendapatkan bekalan, sedangkan kami peniaga kecil hanya dapat menjual beras import," ujarnya.

Dalam pada itu, tinjauan yang dibuat di sebuah pasar raya di **Kampar, Perak** pula mendapati, rak beras hanya dipenuhi dengan beras putih import, beras wangi dan beras istimewa yang dijual pada harga RM32.90 hingga RM40.90.

Seorang pemilik pasar mini yang mahu dikenali sebagai Halim berkata, dia tidak menerima stok beras putih tempatan sejak awal tahun lalu.



SITI KHATIJAH menunjukkan rak beras yang kosong di kedainya di Kelang Lama, Kulim baru-baru ini.

Katanya, ramai pelanggan yang merungut mengenai memandangkan harga beras putih tempatan murah iaitu sekitar RM26 hingga RM30 pelbagai jenama bagi 10kg.

"Bagaimanapun, kerana tiada stok, mereka terpaksa beli beras lebih mahal," katanya.

Di **Kuala Lipis, Pahang**, pengguna dan peniaga makanan mengharapkan agar isu kekurangan bekalan beras putih tempatan dapat diselesaikan segera.



RAK beras di sebuah pasar raya di Kampar dipenuhi dengan timbunan besar import.

"Kalau boleh saya minta kerajaan segera menyelesaikan isu ini bagi membolehkan rakyat bawahan tidak tertekan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini."

HALIM

Seorang pengguna, Norharyati Hamzah, 38, berkata, sejak beberapa bulan lalu, dia terpaksa berbelanja lebih untuk membeli beras import kerana beras putih tempatan sukar didapati di pasaran.

"Kalau boleh saya minta kerajaan segera menyelesaikan isu ini bagi membolehkan rakyat bawahan tidak tertekan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini," katanya.

Dalam pada itu, seorang peniaga kedai makan yang mahu dikenali sebagai Wan, 47, berkata, ketiadaan beras putih tempatan di pasaran benar-benar memberi kesan kepada perniagaannya memandangkan kos yang lebih dikeluarkan bagi membeli keperluan berniaga.

"Ini tidak termasuk lagi bahan mentah lain seperti sayur, ikan dan sebagainya. Jadi, besar harapan saya agar masalah ini berakhir segera demi kebaikan semua pihak lebih-lebih lagi rakyat biasa seperti saya," ujarnya.

Pilih beli beras Siam, beras tempatan cukup di pasaran

KOTA BHARU – Bekalan beras tempatan pelbagai jenama di negeri ini mudah diperolehi di pasaran terutama di kedai runcit dan pasar raya disebabkan kebanyakan masyarakat lebih memilih untuk membeli beras Siam.

Tinjauan yang dibuat di beberapa kawasan mendapati, walaupun harga beras Siam lebih mahal berbanding beras tempatan, ia lebih menjadi pilihan ramai, mungkin disebabkan beberapa faktor terutama kualiti.

Seorang peniaga kedai runcit yang dikenali sebagai Siti, 56, berkata, ramai pelanggan yang datang ke kedainya membeli beras Siam menjadikan bekalan beras tempatan ketika ini banyak

dan boleh menampung permintaan sekiranya diperlukan.

Katanya, ramai pelanggan di kedainya membeli beras Siam dan disebabkan itu, dia tidak mengambil stok beras tempatan dalam kuantiti banyak.

Ini kerana ujan, beras tempatan mudah rosak akibat bubuk (kutu beras) sekiranya ia disimpan dalam tempoh lama.

"Meskipun harga beras tempatan sedikit murah, masyarakat di sini akan membeli beras Siam untuk kegunaan di rumah atau untuk berniaga di kedai makan."

"Beras tempatan Cap Tembakai antara yang paling laris dijual di kedai saya kerana kualitinya lebih kurang seperti beras Siam."

"Bagi sekamplit 5 kilogram beras tempatan, ia berharga RM18.50 untuk 5 kilogram, manakala RM22 untuk beras Siam," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Seorang pengguna, Asmah Razak, 60, berkata, dia mudah mendapatkan stok beras tempatan kerana sentiasa ada di kedai-kedai runcit di daerah ini.

"Saya jarang membeli beras tempatan kerana harganya hampir sama dengan beras Siam pada ketika ini."

"Tetapi, sekiranya beras Siam meningkat harga selepas ini, saya tidak teragak-agak untuk memilih beras tempatan," katanya.



SEORANG pelanggan memilih beras tempatan yang dijual di sebuah kedai runcit di Kota Bharu baru-baru ini. – ROHANA MOHD NAWI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	THE BORNEO POST	ONLINE	

Anti-rabies vax programme sees 100 dogs get first dose, booster shots



Pang (fourth left) and others pose with DVS Sarawak personnel during the programme.

BINTULU (Oct 27): An anti-rabies vaccination programme at the Hokkien Association Hall here today saw 50 dogs administered the first dose, and another 50 receiving booster jabs.

The Department of Veterinary Services (DVS) Sarawak said canines were brought in by 34 owners from 9am to 3pm.

"We express our gratitude for the community's support to our ongoing rabies prevention efforts. This initiative is crucial for ensuring the health and safety of our pets and the wider community," said a DVS Sarawak spokesperson.

The spokesperson said the success of this vaccination programme highlights the community's commitment to combating rabies and ensuring the well-being of their pets.

"DVS Sarawak plans to continue such initiatives to maintain public health and safety in the region."

Meanwhile, Tanjong Batu assemblyman Johnny Pang said programmes such as this will help ensure the spread of the rabies among animals is contained.

"Therefore, all pet owners should take advantage of the free vaccination opportunity for their pets," he said when met at the programme.

He added the best way to contain the spread of this deadly disease is through pet vaccination.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	NABALU NEWS	ONLINE	

Bawang merah tempatan dari Kundasang

RANAU: Sabah berpotensi untuk menjadi pengeluar bawang merah tempatan menerusi usaha penanaman berskala besar yang sedang dirintis usahawan di Kundasang.

Ketika ini, satu plot penanaman bawang sedang diusahakan usahawan tani di Kundasang dengan bimbingan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Inisiatif di bawah Projek Khas MADANI itu dimulakan dengan penanaman benih bawang merah oleh pemilik syarikat D&H Plantation, Shahrizal Denci bagi projek pengeluaran benih bawang merah seluas empat hektar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Kurup yang melawat projek itu di Kundasang, semalam, berkata projek itu bermula pada Jun lalu dengan jangkaan hasil sehingga 2.4 tan sehektar.

“Bawang merah yang dikeluarkan oleh Shahrizal adalah dari varieti bawang merah MARDI, BAW-2. Pengeluaran bawang merah ini adalah melalui biji benih yang disemai di atas batas dan dalam tempoh 45 hari, anak benih yang matang terhasil dan dipindahkan ke ladang.

“Hasil yang diperolehi akan diperluaskan untuk kawasan penanaman persendirian oleh beliau,” katanya.

Arthur berkata di Sabah, MARDI mengenal pasti dua lagi usahawan tani yang akan diberikan bimbingan bagi pengeluaran bawang merah melalui projek perintis MARDI dengan hasil yang dijangka diperolehi mencapai satu hingga dua tan bagi setiap pengeluaran.

Katanya, lebih ramai petani di negeri ini dijangka terlibat dengan projek pengeluaran bawang merah bagi menampung permintaan negara menjelang 2026.

Pada lawatan itu, Arthur turut menyampaikan insentif RM30,000 kepada pengusaha bagi pembinaan rumah pengeringan bawang merah.

Hadir sama Ketua Pengarah Mardi Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Masalah pengairan sawah di Kelantan selesai tahun depan

PASIR PUTEH: Golongan pesawah di Kelantan lega apabila masalah pengairan yang membelanggu mereka dijangka selesai pada Ogos tahun depan apabila pam mudah alih di Kemubu dan Lemal seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) siap.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek yang menelan belanja RM20 juta itu sudah bermula ketika ini.

“Apabila siap nanti ia akan menyelesaikan masalah gangguan bekalan air pada musim kemarau melibatkan kawasan Kota Bharu, Bachok dan sebahagian Pasir Puteh.

“Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini sudah memperuntukkan RM20 juta bagi pembelian pam air, namun pam air tidak dapat digunakan berikutan paras air terlalu rendah,” kata beliau selepas Majlis Penyampaian Waktiah Kumpulan Pengguna Air (KPA) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak di sini semalam.


Mohamad berkata, ekoran itu KADA terpaksa membuat pembangunan lain bagi memastikan pam air berkenaan sampai sekali gus dapat mengalirkan air ke kawasan sawah.



MOHAMAD Sabu (dua, kanan) menyerahkan Waktiah Kumpulan Pengguna Air (KPA) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak kepada salah seorang penerima di Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Pembinaan pam air tambahan di Kelantan siap Ogos tahun depan



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR – Pembinaan 20 unit pam air tambahan di Kelantan bernilai RM20 juta dijangka siap dan mula beroperasi pada Ogos 2025.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perolehan peruntukan projek tersebut sudah bermula melibatkan pembinaan tapak pam.

“Sebelum ini Rumah Pam Kemubu mengalami masalah untuk menyedut air apabila paras air rendah akibat berlaku kemarau.

“Kita harap projek ini berjalan dengan lancar mengikut jadual untuk memastikan proses penanaman padi di kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu tidak terjejas pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan watiqah kepada 48 Ketua Tani Kumpulan Pengguna Air Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak 2024 di Tok Bali, Kelantan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini mengarahkan pembelian 20 unit pam air membabitkan nilai RM20 juta untuk kegunaan di Kelantan disegerakan.

Ini berikutan masalah musim kemarau berpanjangan.-MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	MEDIA MADANI	ONLINE	

Pam air tambahan di Kelantan beroperasi sepenuhnya tahun depan

Pembinaan 20 unit pam air tambahan bagi kegunaan pertanian di Kelantan dijangka siap dan mula beroperasi pada Ogos 2025.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perolehan peruntukan projek tersebut sudah bermula melibatkan pembinaan tapak pam.

Justeru beliau meletak harapan agar dengan beroperasinya pam tersebut akan dapat mengatasi masalah dihadapi pesawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

“Sebelum ini Rumah Pam Kemubu mengalami masalah untuk menyedut air apabila paras air rendah akibat berlaku kemarau.

“Kita harap projek ini berjalan dengan lancar mengikut jadual untuk memastikan proses penanaman padi tidak terjejas pada masa akan datang,” katanya.

Terdahulu Mohamad Sabu hadir ke majlis penyampaian watikah kepada 48 Ketua Tani Kumpulan Pengguna Air Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak 2024 di Tok Bali, Pasir Puteh pada Ahad.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Mei lalu mengarahkan pembelian 20 unit pam air membabitkan nilai RM20 juta untuk kegunaan di Kelantan disegerakan.

Langkah itu berikutan masalah paip disediakan KADA di sungai Kelantan tidak mampu menyedut air akibat kemarau berpanjangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Siswazah ternak itik telur jana RM21,000 sebulan



MUHD. Azim Hizal Hila Ludin menunjukkan ternak itik telur yang diusahakan di Mambang Diawan di Kampar. Perak semalam. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

Oleh MEGAT LUTFI
MEGAT RAHIM
utusanews@mediamulia.com.my

KAMPAR: Berkelulusan Ijazah Perniagaan Antarabangsa dan Pengurusan, Universiti Murdoch, Perth, Australia tidak menghalang Muhd. Azim Hizal Hila Ludin, 31, menceburi bidang penternakan itik telur secara aktif sejak tiga tahun lalu. Katanya, industri penternakan itu mempunyai potensi yang besar dan tidak ramai yang menceburinya.

"Sebenarnya, sebelum habis belajar lagi saya sudah terlibat dalam perniagaan produk kecantikan dan penjagaan diri.

"Sebaik sahaja pulang ke negara ini, ibu mewarisi tanah seluas tiga ekar termasuk kolam buatan yang tidak terjaga dan meminta saya menguruskannya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Mambang Diawan di sini semalam.

Muhd. Azim berkata, ber-

dasarkan perbualan dengan beberapa penternak ayam, itik dan hiasan ruminan lain saya fikir itik yang paling sesuai.

"Lagipun perniagaan produk kecantikan dan penjagaan diri saya tidak begitu baik menyebabkan beralik pada penternakan itik. Saya hanya perlu mengeluarkan modal untuk membeli anak itik sebagai pusingan awal dan makanannya secara konsisten," katanya.

Ujarnya, dia memperoleh pendapatan kasar sehingga RM21,000 sebulan hasil jualan telur itik, sekaya selain ayam daging.

"Sebaiknya pisahkan itik jantan dan betina di kandang. Sekiranya dicampur hasil telur tidak berapa baik dan tidak boleh disimpan lama.

"Telur itik sememangnya digemari oleh pengusaha bakeri dan baulu kerana menjadikan produk akhirnya berasa lebih sedap, gebu dan tahan lama," katanya.